

LAMPIRAN A

Senarai Tugas Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Rendah dan Menengah

- (1) menyediakan perancangan program dan aktiviti perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah.
- (2) mengenalpasti keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah melalui kajian keperluan, soal selidik, temubual dan perbincangan dengan murid, guru, pentadbir, kakitangan sekolah, ibu bapa dan bekas murid.
- (3) merancang, mengawalselia dan mengemaskini rekod dan inventori murid.
- (4) mengumpul, menyelia, menyebarkan maklumat bimbingan dan kaunseling kepada semua murid melalui sebarang media yang sesuai.
- (5) membuat penilaian aktiviti modul, model, instrumen dan profesionalisme perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah.
- (6) merancang, menyelaraskan dan menilai sumber dan bahan resos perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.
- (7) menjadi personel perhubungan/seranta sekolah dengan agensi-agensi luar yang berkaitan.
- (8) menjadi ahli jawatankuasa ex-officio dalam jawatankuasa kurikulum sekolah dan PIBG,
- (9) menjadi ahli jawatankuasa dalam Majlis Perancangan Sekolah, Disiplin Sekolah dan Jawatankuasa Lembaga/Badan Pengawas.
- (10) menjadi penyelar dalam program mentor-mentee sekolah.
- (11) menjadi penyelar dalam program-program perkembangan murid seperti kolokium, motivasi, kem jaya diri, kepimpinan dan kursus ketatanegaraan.
- (12) menjadi urusetia kepada program Sekolah Selamat, Dasar Pendidikan Wajib, Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris dan Dasar Bahasa Tambahan dan Jawatankuasa penempatan dan kemasukan murid di sekolah.
- (13) menjadi penyelar program-program yang dianjurkan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling Jabatan Pendidikan Negeri.
- (14) melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh ketua jabatan dari semasa ke semasa.

- (15) mengelola dan melaksanakan aktiviti bimbingan dan kaunseling kelompok dan tunjuk ajar yang merangsang perkembangan murid secara optimum.
- (16) merancang, melaksana dan mengawalselia perkhidmatan bimbingan dan kaunseling individu secara profesional dan beretika.
- (17) memberi khidmat kaunseling krisis kepada murid, guru, kakitangan dan ibu bapa yang memerlukannya.
- (18) merancang, melaksana dan mengawalselia aktiviti kemahiran belajar untuk semua murid.
- (19) merancang, melaksana, mengawalselia serta menilai program dan aktiviti pemberian maklumat sesuai dengan penawaran pakej pensijilan terbuka dan keperluan IPT.
- (20) menjadi ahli jawatankuasa program pencegahan dadah, inhalan, rokok, alkohol dan HIV/AIDS.
- (21) merancang, melaksana, mengawalselia serta menilai program dan aktiviti untuk menyedia dan mendedahkan murid kepada peluang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.
- (22) merancang, melaksana, mengawalselia dan menilai program dan aktiviti perkhidmatan konsultasi dan rujukan berhubung bimbingan dan kaunseling, kerjaya dan pendidikan pencegahan dadah.
- (23) merancang, melaksana, mengawalselia dan menilai program dan aktiviti konferens dengan ibu bapa, guru, kakitangan bukan guru, agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang terlibat dalam proses pendidikan dan perkembangan murid.
- (24) menjadi urusetia kepada Jawatankuasa Penyelaras Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.
- (25) menjadi penggerak utama dalam program latihan dalaman bagi menyebarkan kefahaman dan peningkatan profesionalisme perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

(Sumber: KPM, 1996)

LAMPIRAN B

PEMAKLUMAN PADA PARTISIPAN KAJIAN

Tajuk Kajian :

Bentuk Penyeliaan Praktikum Guru Bimbingan dan kaunseling Sekolah Rendah

Sila baca dengan teliti maklumat di bawah sebelum menandatangani borang ini.

1. Mohd Zarawi bin Mat Nor pelajar Doktor Falsafah (No. Matrik : PHB 080003) di bawah penyeliaan Profesor Madya Dr. Haslee Shahril Abdullah dari Jabatan Psikologi Pendidikan dan kaunseling, fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur, memerlukan penyertaan / penglibatan saudara/saudari dalam kajian yang bertajuk *Pola Penyeliaan Praktikum Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Rendah*. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka proses penyeliaan dan memahami bentuk-bentuk amalan pensyarah-penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR. Saudara/i akan terlibat dalam sesi temu bual yang akan diadakan sebanyak tiga kali. Pertama selepas proses penyeliaan pertama, ke dua selepas penyeliaan kedua dan ketiga selepas penyeliaan ke tiga. Temubual tersebut dijangka mengambil masa 45 hingga 60 minit secara berterusan dan saudara/i akan ditanya soalan terbuka mengenai proses dan bentuk-bentuk amalan yang terlibat dalam proses penyeliaan GBKSR.
2. Saudara/suadari akan ditanya mengenai amalan dan tindakan yang diambil sepanjang proses penyeliaan dilakukan. Jika anda merasakan soalan yang ditanya tidak perlu dijawab, anda berhak untuk tidak menjawab soalan tersebut. Sepanjang tempoh temubual (45-60 minit) anda mungkin berasa letih dan jemu. Jika ini berlaku ke atas diri anda anda boleh berhenti menjawab ataupun memilih untuk tidak meneruskan temu bual tersebut.
3. Manfaat penglibatan saudara/i dalam kajian ini secara personal adalah terlalu minimum; walau bagaimanapun saudara/saudari mungkin menyumbang kepada kajian ilmiah keserjanaan mengenai proses dan amalan penyeliaan praktikum GBKSR yang bertujuan untuk mendapat pemahaman yang lebih jelas dan terperinci mengenai aspek tersebut yang akhirnya akan menjadi panduan kepada pensyarah di IPG dalam menyelia praktikum guru pelatih opsyen Bimbingan dan Kaunseling.
4. Saudara/i boleh menarik diri daripada menjadi partisipan dalam kajian ini pada bila-bila masa.

5. Hasil kajian ini akan dikeluarkan dalam penulisan tesis saya; walau bagaimanapun, nama dan identiti anda akan dilindungi. Anda dikenali sebagai nama smaran dalam laporan saya. Nama sebenar anda hanya diketahui oleh pengkaji dan transkrip temu bual akan disimpan dalam almari berkunci yang hanya boleh dicapai oleh penyelidik.
6. Saudara/saudari mungkin berasa letih atau tidak selesa bercakap mengenai amalan dan tindakan anda semasa proses penyeliaan dijalankan. Anda bebas untuk tidak menjawab soalan-soalan yang dirasakan tidak perlu.
7. Sebarang pertanyaan mengenai kajian boleh diajukan kepada penyelidik.
8. Penglibatan anda dalam kajian ini adalah sukarela dan anda tidak akan dipaksa. Keengganan anda mengambil bahagian dalam kajian ini tidak akan dihukum. Anda boleh menarik diri daripada menyertai kajian ini pada bila-bila masa.
9. Jika anda ada sebarang persoalan mengenai hak anda sebagai peserta dalam kajian ini, atau seandainya anda merasakan berada dalam suasana berisiko sila hubungi Profesor Madya Dr. Haslee Shahril Abdullah di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Saya yang benar

Partisipan kajian

LAMPIRAN C

SURAT KELULUSAN MENJALANKAN KAJIAN DARIPADA BPPDP



BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 1 - 4, BLOK E - 8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
Telefon : 03-88846591
Faks : 03-88846579

Rujuk. kami : KP(BPPDP)603/5/JLD8(284)
Tarikh 23 Ogos 2010

Encik Mohd Zarawi Bin Mat Nor
Lot 52 Tmn Sri Mawar Dn Istana Kuba
16105 Kota Bharu
Kelantan

IC 650118035271

Tuan/Puan,

Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah, Institut Perquruan, Jabatan Pelajaran Negeri dan Bahagian-Bahagian di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan tuan/puan untuk menjalankan kajian bertajuk:

Bentuk Penyeliaan Praktikum Guru Bimbingan Dan Kaunseling Sekolah Rendah

diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini. Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperoleh dari Ketua Bahagian / Pengarah Pelajaran Negeri yang berkenaan.

3. Sila tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini senaskah laporan akhir kajian setelah selesai kelak. Tuan/Puan juga diingatkan supaya mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak dibentangkan di mana-mana forum atau seminar atau diumumkan kepada media

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DR. SOON SENG THAH)
Ketua Sektor,
Sektor Penyelidikan dan Penilaian
b.p. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
Dasar Pendidikan
Kementerian Pelajaran Malaysia

LAMPIRAN D

**BORANG PENCALONAN PENSYARAH
BIMBINGAN DAN KAUNSELING
SEBAGAI PARTISIPAN KAJIAN**

Mohd. Zarawi bin Mat Nor
Lot 52, Taman Sri Mawar
Depan Istana Kubang Kerian
16150 Kota Bharu Kelantan

Tarikh: 15 Jun 2010

Ketua Jabatan Ilmu Pendidikan /Bimbingan dan kaunseling

.....
.....
.....

Tuan,

**PENCALONAN PENSYARAH BIMBINGAN DAN KAUNSELING SEBAGAI
PARTISIPAN KAJIAN**

Saya ingin menarik perhatian berhubung dengan perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa saya Mohd Zarawi bin Mat Nor, Nombor Matrik PHB080003 adalah seorang pelajar Doktor falsafah dari Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur sedang menjalankan kajian untuk menyiapkan pengajian saya. Tajuk Kajian ialah **“Pola Penyeliaan Praktikum Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Rendah.”** Untuk menjalankan kajian ini, pensyarah-penyelia bersama dengan guru pelatih masing-masing akan terlibat sebagai responden kajian.

3. Sehubungan dengan itu, saya memohon jasa baik tuan sudilah kiranya dapat mencalonkan seramai **dua** orang pensyarah daripada jabatan/unit bimbingan dan kaunseling sebagai partisipan kajian. Pencalonan itu hendaklah dibuat berasaskan ciri-ciri kompetensi dalam bidang kaunseling dan telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang pada perspektif ketua jabatan dalam melaksanakan tugas-tugas menyelia praktikum guru bimbingan dan kaunseling Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) di institut masing-masing.

4. Tuan/puan diminta melengkapkan borang pencalonan responden kajian yang dilampirkan (Lampiran C) dan kembalikan kepada saya menggunakan sampul surat yang

beralamat dan berstem seperti yang dikembarkan bersama. Segala pertanyaan berhubung dengan perkara ini boleh menghubungi saya di talian 013-9225271 ataupun terus kepada penyelia akademik saya Profesor Madya Dr. Haslee Sharil Abdullah, Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Sekian, untuk makluman dan tindakan pihak tuan

Saya yang benar,

MOHD ZARAWI BIN MAT NOR
Pelajar Doktor Falsafah .
Jabatan Psikologi Pendidikan dan kaunseling
Fakulti Pendidikan Universiti Malaya
No. Matrik : PHB080003

LAMPIRAN E

PENGESAHAN PENCALONAN PARTISIPAN KAJIAN

Jabatan Ilmu Pendidikan/Jabatan Bimbingan & Kaunseling

.....
.....
.....

Kepada,

Mohd. Zarawi bin Mat Nor
Lot 52, Taman Seri Mawar
Depan Istana Kubang Kerian
16150 Kota Bharu Kelantan

Tuan,

**PENCALONAN PENSYARAH BIMBINGAN DAN KAUNSELING SEBAGAI
PARTISIPAN KAJIAN**

Merujuk kepada surat tuan yang bertarikh 10 Jun 2010 berhubung dengan perkara tersebut di atas berikut adalah dua orang nama pensyarah bimbingan dan kaunseling dari institut ini yang dicadangkan untuk menjadi partisipan kajian. Pencalonan ini mengambil kira ciri-ciri kompetensi kaunseling dan prestasi kerja cemerlang termasuk dalam aspek penyeliaan praktikum Guru Bimbingan dan Kaunseling bagi peserta Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) sebelum ini.

2. Maklumat lanjut mengenai pencalonan adalah seperti berikut :

BIL	NAMA PENSYARAH	CATATAN
1.		
2.		

Sekian untuk maluman dan tindakan pihak tuan.

Terima kasih.

Saya yang benar,

Nama Dan Cop Jawatan

LAMPIRAN F1

PROTOKOL TEMU BUAL UNTUK PARTISIPAN PRIMER (PENSYARAH-PENYELIA)

Panduan Temu bual	Nota Pengkaji	Komen Penyelidik/ Isu/Refleksi
<p>Bahagian A: Pengenalan</p> <p>Langkah 1 :</p> <p>Pengenalan.</p> <ol style="list-style-type: none">1. Penyelidik memperkenalkan diri dan bertanya khabar.2. Memberi motivasi kepada partisipan untuk melibatkan diri dan mengucapkan ‘terima kasih kerana sudi meluangkan masa’.3. Menerangkan maksud, tujuan, format dan kepentingan temubual.4. Memberitahu kegunaan hasil temubual.5. Memberi maklumat tentang kerahsiaan.6. Meminta kebenaran untuk menggunakan pita rakaman.		
<p>Langkah Dua :</p> <p>Tentang Tugas Pensyarah-penyelia dan Pengetahuan Mengenai Konsep Penyeliaan Praktikum</p> <ol style="list-style-type: none">1. Bolehkah saudara/saudari ceritakan sedikit sebanyak tentang skop bidang tugas sebagai pensyarah?2. Apakah tugas-tugas saudara/saudari sebagai seorang penyelia praktikum		

<p>3. Jelaskan konsep penyeliaan dan kepentingannya pada seseorang guru pelatih.</p>		
<p>Bahagian B: Soalan mencungkil</p> <p>Langkah Tiga: Tentang Proses Penyeliaan Praktikum (Berdasarkan dapatan yang diperoleh melalui pemerhatian yang dilakukan sebelum itu)</p> <p>1. Terangkan secara terperinci bagaimana saudara/saudari melaksanakan proses penyeliaan praktikum GBKSR ?</p> <p>Mencungkil dengan soalan:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Bagaimana penyeliaan praktikum diuruskan di IPG? b. Semasa di lokasi praktikum, bagaimana saudara/saudari mewujudkan hubungan penyeliaan dengan pelatih anda sendiri dalam konteks pelaksanaan penyeliaan? c. Apa bidang atau aspek yang saudara/saudari selia? d. Bagaimana saudara/saudari mengatur aspek-aspek penyeliaan yang berbeza-beza itu? e. Bagaimanakah proses penyeliaan bagi setiap aspek tersebut dilakukan? 		

<p>f. Jelaskan kenapa saudara/saudari menyelia aspek tertentu pada peringkat penyeliaan tertentu (peringkat pertama, kedua atau ketiga).</p> <p>g. Ceritakan kaedah yang telah digunakan semasa menyelia praktikum.</p> <p>h. Kenapakah saudara/saudari menggunakan kaedah tertentu bagi aspek penyeliaan tertentu?</p> <p>2. Terangkan secara terperinci penggunaan amalan-amalan/tindakan yang saudara/saudari tertentu semasa melaksanakan proses penyeliaan.</p> <p>Mencungkil dengan soalan-soalan berikut:</p> <p>a. Bagaimanakah saudara/saudari memberi bimbingan sewaktu menyelia pelatih bagi setiap aspek yang berbeza itu?</p> <p>b. Kenapakah saudara/saudari mengamalkan tindakan sedemikian bagi aspek-aspek penyeliaan tersebut?</p> <p>c. Jelaskan sebab bagi setiap amalan yang saudara/saudari gunakan sewaktu menyelia.</p> <p>d. Bagaimanakah saudara/saudari melihat reaksi atau respon pelatih pada setiap</p>		
--	--	--

<p>amalan/tindakan yang saudara/saudari amalkan semasa menyelia praktikum tersebut?</p>		
<p>Bahagian C: Penutup</p> <p>Langkah Keempat : Kesimpulan dan Rumusan</p> <p>Langkah ke empat merupakan langkah terakhir dalam proses temu bual dengan partisipan. Dalam bahagian ini penyelidik bertanyakan sama ada partisipan mempunyai apa-apa yang ingin diperkatakan mengenai tajuk temu bual. Seterusnya penyelidik mengucapkan setinggi penghargaan kepada peserta kajian kerana sudi untuk ditemu bual.</p>		

LAMPIRAN F2

PROTOKOL TEMU BUAL UNTUK

PARTISIPAN SEKUNDER

Nama Guru Pelatih :

Umur :

Ijazah :

Nama Sekolah Praktikum:

Kategori sekolah: Bandar/luar Bandar:

Nama Penyelia:

Panduan Temu bual	Nota Pengkaji	Komen Penyelidik/ Isu/Refleksi
<p>Bahagian A: Pendahuluan</p> <p>Langkah 1 : Pengenalan</p> <ol style="list-style-type: none">1. Penyelidik memperkenalkan diri. Bertanya khabar ahli.2. Memberi motivasi kepada peserta untuk melibatkan diri dan mengucapkan ‘terima kasih kerana sudi meluangkan masa’.3. Menerangkan maksud, tujuan, format dan kepentingan temu bual.4. Memberitahu kegunaan hasil temubual.5. Memberi maklumat tentang kerahsiaan.6. Meminta kebenaran untuk menggunakan pita		

<p>rakaman.</p>		
<p>Bahagian : B (Soalan mencungkil)</p> <p>Langkah Dua : Tentang Proses dan amalan Yang diterima semasa proses penyeliaan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Apakah yang anda faham tentang penyeliaan? 2. Apakah cirri-ciri seorang penyelia yang baik? 3. Apakah aspek yang diselia? 4. Bagaimanakah proses penyeliaan dijalankan oleh pensyarah anda? 5. Apakah bentuk amalan yang dilakukan penyelia anda sebagai penyelia? 6. Bagaimanakah proses penyeliaan dijalankan mengikut sesi penyeliaan 1, 2 dan 3? 7. Bagaimana anda memperoleh manfaat daripada sesi penyeliaan yang diterima? 		
<p>Bahagian C: Penutup</p> <p>Langkah ke tiga: Kesimpulan dan Rumusan</p> <p>Langkah ke tiga merupakan langkah terakhir dalam proses temu bual dengan partisipan. Dalam bahagian ini penyelidik bertanyakan sama ada peserta mempunyai apa-apa yang ingin diperkatakan mengenai tajuk temu bual. Seterusnya penyelidik mengucapkan setinggi penghargaan kepada peserta kajian kerana sudi untuk ditemu bual.</p>		

LAMPIRAN G

TRANSKRIPSI TEMU BUAL (Partisipan primer)

Tarikh : 25 Januari 2011
Masa : 11.00-12.30 Tengah hari
Tempat : Bilik Kaunseling Sekolah
Nama sekolah : Sekolah Kebangsaan P.G (bukan nama sebenar)
Lokasi sekolah: Bandar

LATAR BELAKANG PARTISIPAN

Nama : En Z (bukan Nama sebenar)
Pengalaman sebagai pensyarah: 7 tahun
Pengalaman sebagai pensyarah-penyelia: 6 tahun
Umur : 42 tahun
Indeks Kod: RC(1) I-25/1

PERKARA	ISU/KOD
<p>1.Penyelidik: Assalamualaikum w.b.t. En.Z. apa khabar? 2.Partisipan: Waalaikumussalam, Baik, Alhamdulillah 3.Penyelidik: OK kita baru balik daripada sekolah P.G, 4. tempat di mana En Z. menyelia praktikum, salah seorang pelajar 5.(guru pelatih GBKSR) iaitu Cikgu R. Jadi apa yang berlaku waktu 6.penyeliaan tu saya telah semak, saya tengok dari awal sampai akhir, 7.saya buat catatan berdasarkan apa yang saya dengar, saya nampak 8.sepanjang pemerhatian tadi. 9.Partisipan : Ya.ya 10.Penyelidik: Dan sekarang ni, saya nak maklumat lanjutan bagi 11.mengesahkan maklumat yang diperoleh sewaktu pemerhatian tadi, 12.kali ini melalui temubual pula. 13.Partisipan : Ya..ya 14.Penyelidik: Sebelum itu, boleh tak En.Z ceritakan senario secara 15.umum tentang proses penyeliaan. Bagaimana dia (Cikgu R) 16.mendapat maklumat tentang <i>observation</i> yang tuan jalankan?</p> <p>17.Partisipan: <u>Begini ya, Tuan Hj. guru pelatih ni di bawah saya ada 2 orang,</u> 18.<u>jadi sebelum mereka pergi ke sekolah untuk membuat latihan praktikum,</u> 19.<u>saya telah memanggil mereka untuk membuat satu taklimat di IPG</u> 20.<u>bertempat di makmal kaunseling. <u>Saya buat taklimat secara menyeluruh</u></u> 21.<u>apa yang perlu mereka lakukan dalam tempoh 12 minggu praktikum di</u> 22.<u>sekolah. Jadi saya telah maklum kepada mereka tentang persediaan</u> 23.<u>seperti segi fail-fail kaunseling individu dan kumpulan, berapa</u> 24.<u>sepatutnya dia kena buat sesi kaunseling dalam seminggu sama ada</u> 25.<u>individu atau kelompok, dari segi kehadiran, peraturan lain dan</u> 26.<u>sebagainya. Dalam taklimat itu, jadual lengkap penyeliaan juga diagihkan</u></p>	<p>RC(1) I- 25/1 (20-26)</p>

27.kepada guru pelatih.

28.Penyelidik: Em..ya

29.Partisipan: Jadi program-program yang perlu dibuat seperti motivasi,

30.kepimpinan keibubapaan perkembangan staff dan sebagainya saya telah

31.teranglah bidang-bidang yang mereka patut lakukannya supaya mereka

32.nampak jelas. Di sekolah nanti tidak mencari-cari kerana sudah jelas,

33.lepas mereka datang ke sekolah, mereka terus boleh buat

34.Penyelidik: **Apa lagi yang disampaikan dalam taklimat tersebut?**

35.Partisipan: Yang penting ia (taklimat) dapat memberi gambaran

36.menyeluruh mengenai apa yang akan dilakukan sepanjang tempoh

37.praktikum. Berapa kali saya akan pergi dan dimaklumkan juga perkara-

38.perkara yang berkaitan dengan penilaian pada akhir praktikum.

39.Penyelidik: **Ok, Ada tak bahan-bahan taklimat tu? kalau boleh saya**

40.nak mintalah untuk dokumen saya,lah boleh ekk

41.Partisipan : Boleh saya ada bahan-bahan secara bertulis untuk Tuan Haji

42.untuk rujukan (Set panduan praktikum yang disediakan oleh Unit

43.kaunseling)

43.Penyelidik: (Melihat dokumen) **Ooo. Detail ya, kandungan panduan**

45.praktikum ini, apa rumusan yang boleh dibuat berdasarkan set

46.panduan ini.

47.Partisipan: Ok, pertama, nak pastikan kita mematuhi standard penyeliaan

48.yang disediakan oleh BPG bagi menjaga kualiti dan keberkesanan

49.penyeliaan. Yang penting juga mengenai etika atau peraturan yang mesti

50.dipatuhi semasa menjalankan penyeliaan. Etika ini penting untuk

51.menjaga kebajikan pelatih dan klien itu sendiri

52.Penyelidik: **Mana bahagian yang bersabit dengan etika yang saudara**

53.maksudkan?

54.Partisipan: Nii dia... (Sambil menunjukkan pada aspek isu etika). Yang

55.merangkumi pelbagai aspek... tuan boleh merujuk pada edaran yang ada

56.di tangan tu.

57.Penyelidik: **Ok terima kasih banyak. selepas taklimat tu bagaimana**

58.seterusnya berlaku?

59.Partisipan : Selepas taklimat tu, kita bagi peluanglah kalau guru pelatih

60.nak tanya kita selepas tu, biasanya saya akan maklum kepada mereka bila

61.saya nak pergi. Katakan minggu depan ke, saya akan maklum kan kepada

62.dia dalam masa tempoh tersebut saya akan pergi supaya dia dapat

63.sediakan klien dan boleh buat *oppoiment* dengan pelajar.

64.Penyelidik: **Tadi sebelum ke bilik kaunseling sekolah, Cik Z terlebih**

65.dahulu berjumpa dengan guru besar dan seorang guru.

66.Partisipan: Em betul Tuan Haji, ek. Bila saya pergi ke sekolah tadi

67.pertamanya saya berjumpa dengan guru besar dan juga seorang guru

68.yang bertindak sebagai guru pembimbing kepada Cikgu R.

69.Penyelidik: **Untuk apa jumpa tu?**

70.Partisipan : Saya jumpa tu untuk bagi taklimat lah saya bagi peraturan

71.dari segi peranan dia, peranan guru besar, apa peranan yang patut di

72.berikan kepada guru pelatih yang berada di situ, dari segi bimbingan dari

73.segi penyeliaan guru bimbingan penyeliaan tersebut berapa kali, 3 kali

74.ke, dari segi elaun atau bayaran dia

RC(1) I-

<p>75.Penyelidik: Makna di situ ada pertemuan 4 penjurur, pelajar pun ada 76.Partisipan : Pelajar pun ada..</p>	<p>25/1 (70-74)</p>
<p>77.Penyelidik: Pelajar, penyelia... 78.Partisipan : <u>Pelajar, penyelia, guru pembimbing dan guru besar sekali lah.</u> 79.Kita bagi taklimat supaya pelajar ni diberitahu hak limitasi yang diberi 80.kepada dia seperti waktu mengajar, waktu buat kaunseling dan minta</p>	
<p>81.kerjasama pihak sekolah membenarkan beliau melibatkan diri dalam 82.aktiviti program perhimpunan dan sebagainya.</p>	<p>RC(1) I- 25/1</p>
<p>83.Penyelidik: Ok ada apa lagi nak tambah mengenai perjumpaan ini 84.Partisipan : Perjumpaan yang maca mana tu Tuan Haji</p>	<p>(78-82)</p>
<p>85.Penyelidik: Perjumpaan dengan pembimbing tadi lah 86.Partisipan : Dengan guru pembimbing saya minta tolong beliau memberi 87.komitmen bimbingan yang tinggi sebab dia banyak masa membimbing.</p>	
<p>88.Penyelidik: Ada apa-apa lagi yang Cik Z nak cakapkan mengenai 89.pertemuan bersama pentadbir?</p>	
<p>90.Partisipan: Tak ada dah... itu saja.</p>	
<p>91.Penyelidik: Em ok-ok. Saya rasa itulah mukadimah sebelum 92.perjalanan sesi sebenar kan. Jadi kita balik pada perjalanan sesi 93.yang telah kita tengok. Apa yang sebenarnya Cik Z fokuskan semasa 94.menyelia sesi kaunseling individu tadi?</p>	
<p>95.Partisipan: Terima kasih ya Tuan Haji sebab pengalaman saya menyelia 96.guru pelatih kaunseling ni dia melaksanakan sesi kaunseling. Tadi saya 97.fokus kepada kemahiran membina hubungan. Saya dapati guru pelatih ni 98.nak cepat-cepat teroka masalah dan nak bagi nasihat. Jadi, semasa dia 99.menjalankan sesi, ada perkara-perkara yang dilakukan silap oleh pelatih, 100.Jadi saya menegur, contohnya dari segi cara-cara dia membina 101.hubungan atau repor dengan pelajar ataupun klien. Saya kata pada dia, 102.kita mesti sentiasa tenang dan bermanis muka apabila berhadapan 103.dengan klien, sekali sekala boleh sentuh pelajar/ klien jika keadaan 104.sesuai dan memerlukan. Ada dalam kalangan pelatih ini, dia terus 105.masuk je kepada pokok perbincangan dengan klien tu...dia tak bina 106.hubungan dahulu menyebabkan klien tu rasa tertekan. Mungkin guru 107.saya tadi dia panik kot, mungkin sebab tu hj. ada bersama Kalau tuan 108.perasan tadipun masa berbincang dengan cikgu R. saya meminta pelatih 109.saya memandang tepat pada mata saya dalam perbincangan tadi.</p>	
<p>110.Penyelidik: Yalah tadi saya nampakpun, apa tujuan Cik Z. 111.mengangkat tangan dan menunjukkan pada bahagian mata tadi? 112.Minta jelaskan.</p>	
<p>113.Partisipan: <u>Ya lah, betullah, saya angkat tangan dan tunjukkan pada</u> 114.bahagian mata saya. Saya nak tunjuk perlakuan yang tepat semasa 115.berinteraksi dengan pelatihnya. Hal ini penting untuk wujudkan 115.hubungan mesra dengan pasangan kita.</p>	<p>RC(1) I- 25/1 (113-115)</p>
<p>116.Penyelidik: Ok... saya setuju tu. Ada lagi berkaitan dengan perkara 117.itu (membina hubungan)?</p>	
<p>118.Partisipan: Ada lagi emmm...aspek kedudukan badan...dan suara..pelatih 119.saya tadi agak “keras” sewaktu melayan kliennya... dia sepatutnya 120.membongak badannya sedikit ke arah klien, bukannya duduk 90 darjah 121.pada kerusinya. Ini tidak betul. Sebab itu saya katakan kepada pelatih</p>	

122.tadi supaya membongkakkan sedikit badan ke arah klien sebagai tanda
123.kita menerima kehadirannya sebagai klien. Ini penting untuk
124.meyakinkan klien agar mempercayai kesungguhan guru kaunselingnya.
125.Penyelidik: **Ada lagi?**
126.Partisipan: Saya juga tekankan kepada Cikgu R. supaya kita perlu
127.tunjukkan impati kepada klien melalui isyarat *verba* dan *non verbal*
128.supaya bila kita menunjukkan impati, klien akan merasakan kita ni
130.begitu sungguh-sungguh nak tolong dia bukannya main-main. Jadi bila
131.kita impati *verba* dan *non verbal* kita fokus. Dan perlu *eye contact* dan
132.memek muka yang sesuai. Hasilnya dia akan beri kerjasama kepada kita
133.dan dia akan menceritakan segala-galanya. Pada saat permulaan ni,
134.perkara-perkara sebegini sangat penting...baru jumpakan.
135.Penyelidik: **Ada apa-apa lagi yang nak dijelaskan mengenai**
136.**penyeliaan sesi kaunseling tadi?**
137.Partisipan: Tak ada.. saya rasa tu sajalah. Merangkum apa yang saya
138.lakukan tadi.
139.Penyelidik: **Terima kasih Cik Z. Kita sambung sikit lagi ya. Tadi**
140.**juga saya perasan selepas En Z.berbincang dengan Cikgu R saya**
141.**tengok En.Z. meninjau-ninjau kawasan persekitaran bilik**
142.**kaunseling tadi, apa yang En.Z. tengok sebenarnya?**
143.Partisipan: Saya lihat dari segi struktur dalam dan luar bilik kaunseling.
144.Dalam bahagian bilik saya tinjau juga bahan-bahan seperti *reachout*,
145.pamflet dan edaran-edaran, borang-borang untuk temu janji, rekod-
146.rekod, buku log dan sebagainya. Begitu juga dengan fail-fail yang patut
147.ada.
148.Penyelidik: **Kenapa En.Z. memberi fokus kepada aspek itu dalam**
149.**proses menyelia ni bukan saja sesi . Saya nampak En.Z. pun serius**
150.**juga menunjuk-nunjuk dengan jari. Apa signifikan dengan proses**
151.**penyeliaan yang di buat ?**
161.Partisipan: Bahagian luar bilik juga saya focus. Seperti bahan-bahan
171.yang ditampal dalam papan notis kat luar tu. Saya Nampak ada papan
181.notis yang disediakan oleh pihak sekolah, tapi cikgu saya tu belum
182.memanfaat sepenuhnya lagi, katanya dalam proses.
183.Penyelidik: **Ok tadi macam mana dia dah mula gerakkan aspek tadi.**
184.**Macamana komen Cik Z.?**
185.Partisipan : Saya nampak sudah ada fail-fail tu.Tapi masih kosong. Dia
186.dah naikkan notis-notis pada papan kenyataan di luar bilik untuk tarikh
187.perhatian murid. Iklan perkhidmatan kaunseling juga ada bersama. Ada
188.la sikit-sikit bahan. Fail-fail perlu diisi. Saya katakan pada cikgu R tadi.
189.Tak apalah setakat ni pun memadai. Ada fail walaupun tak banyak isi
190.kira oklah.
191.Penyelidik: **Ok ada apa-apa lagi nak tambah dalam penyeliaan**
192.**pertama tadi , takut saya lupa nak Tanya.**
193.Partisipan: Jadi saya dah beritahu saya dah tengok sesi kali ini. Saya
194.maklumkan juga pada Cikgu R supaya bersedia untuk penyeliaan
195.seterusnya. Saya akan maklumkan dia bila tarikh tu
196.Penyelidik: **Akhirnya saya dapati tadi berlaku perbincangan**
197.**tentang penilaian. Apa sebenarnya yang berlaku dalam**

<p>198.perbincangan akhir sebelum tuan menyerahkan markah penilaiann 199.kepada cikgu R? 200.Partisipan: Ya..ya ok.. tadi dalam sesi akhir saya berbincang dengan 201.Cikgu R. mengenai penilaian menggunakan Borang Penilaian 202.Praktikum BK 1. Tuan boleh ambil ni satu <i>copy</i> untuk rujukan. 203.Penyelidik: Ok terima kasih. 204.Partisipan: Saya fokus tadi pada bahagian kaunseling / bimbingan 205.individu. Saya berikan penilaian yang sesuai dengan kebolehan beliau 206.menjalankan sesi kaunseling tadi. 207.Penyelidik: Oo begitu jadi itulah makna tadi yang berakhir dengan 208.perkataan itu tadi di SPG. Bila En Z. berjanji dengan dia tu sebab 209.saya akan set tarikh tu sebab untuk saya <i>follow</i> bersama tengok 210.berapa hari lagi. 211.Partisipan : Lebih kurang minggu hadapan lah lebih kurang 7 hari 212.daripada sekarang untuk bagi peluang kepada dia untuk bagi peluang 213.muhasabah dan buat <i>preparation</i> sedikitlah supaya dia dapat sesi 214.kaunseling lebih berkualiti lagi pada masa akan datang. 215.Penyelidik: Ok ada apa-apa lagi nak cakap? 216.Partisipan :Saya rasa cukup lah terima kasih banyak. 217.Penyelidik: Jadi kalau cukup saya ucapkan terima kasih lah kerana 218.sudi melayan saya sejak pagi lagi. Saya harap En. Z tak seri-serik 219.melayan saya. Lebih kurang 7 hari lagi saya <i>reconfirm</i> dengan 219.En.Z. untuk pergi sekolah tu. Ok..assalamualaikum w.b.t.h. 220.Partisipan : Waalaikumusalam, terima kasih.</p>	
---	--

LAMPIRAN H
NOTA PEMERHATIAN

Bilangan Pemerhatian:

Masa :

Nama Pelatih :

Tarikh:

Penyelia:

Tempat : Bilik kaunseling

Peristiwa/Aktiviti	Pemerhatian

LAMPIRAN I

NOTA LAPANGAN LANJUTAN

Masa :

Nama Pelatih :

Tarikh:

Penyelia :

Tempat : Bilik kaunseling

Peristiwa/Aktiviti	Catatan

LAMPIRAN J

BORANG ANALISIS DOKUMEN

Tajuk Dokumen.....

Tarikh Diperoleh.....

Jenis Dokumen (Rasmi/Tidak rasmi)

Kandungan Dokumen

.....

.....

.....

.....

.....


.....

.....

.....

.....


LAMPIRAN K
RAJAH POKOK
PROSES DAN AMALAN PENYELIAAN PRAKTIKUM GBKSR



LAMPIRAN L

RAJAH POKOK

PROSES PENYELIAAN PRAKTIKUM GBKSR



LAMPIRAN M

RAJAH POKOK

BENTUK-BENTUK AMALAN PENYELIAAN PRAKTIKUM GBKSI

